



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN ETNIK DAN KESEPADUAN SOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



TAN TIEN CHEE

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN ETNIK DAN KESEPADUAN SOSIAL DALAM KALANGAN
PELAJAR DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

TAN TIEN CHEE

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپسي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 10.....(hari bulan) 09..... (bulan) 2024.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, TAN TIEN CHEE (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk HUBUNGAN ETNIK DAN KESEPADUAN SOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, MOHD SYARIEFUDIN BIN ABDULLAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGAN ETNIK DAN KESEPADUAN SOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (PENGAJIAN MALAYSIA) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

10.09.2024

Tarikh

MOHD SYARIEFUDIN BIN ABDULLAH
Penyarah
Tahap Pengajian
Kemasyarakatan dan Kemanusiaan
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة الوطنية للتعليم
سليمان إدريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORMTajuk / Title: HUBUNGAN ETNIK DAN KESEPADUAN SOSIAL DALAM KALANGAN
PELAJAR DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

No. Matrik /Matric's No.: M20171000807

Saya / I : TAN TIEN CHEE

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/~~Laporan Kertas Projek~~ (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972



TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 10.09.2024

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

MUHAMMAD SYAFIUDIN BIN ABDULLAH
Pensyarah
Jabatan Pengajian
Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya ingin memanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga kepada Tuhan kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, saya telah berjaya menyiapkan tesis ini. Saya sangat bersyukur kerana dikurniakan dengan kesihatan fizikal dan mental yang baik dalam tempoh masa ini tanpa menghadapi banyak halangan dalam menyiapkan kajian ini. Seterusnya, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia iaitu Dr. Mohd. Syariefudin bin Abdullah dan Dr. Siti Noranizahhafizah binti Boyman. Terima kasih yang tidak terhingga atas segala cadangan, bimbingan, tunjuk ajar dan pertolongan yang diberikan sepanjang proses untuk menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih turut diajukan kepada pensyarah-pensyarah lain yang telah membantu saya sepanjang perjalanan ini. Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada cikgu saya iaitu Dr. Mohd. Zikri Ihsan bin Mohammad Zabhi yang banyak memberi tunjuk ajar sepanjang tempoh penulisan tesis. Penghargaan turut diberikan kepada rakan sekerja saya iaitu Pn. Sharifah Haslina bt Syed Abd Hamid yang sudi menyemak abstrak dalam versi bahasa Inggeris. Sekalung ucapan terima kasih turut diberikan kepada pengetua-pengetua yang saya berkhidmat iaitu Pn. Chong Siew Lay, mantan pengetua SM Universal Hua Xia (2016 – 2020), Pn. Norbani binti Baba, mantan pengetua SMK Cochrane Perkasa (2019 – 2020), Pn. Maizatul Akmal binti Sahudin, mantan pengetua SMK Cochrane Perkasa (2020 – 2022) dan En. Toh Kok Min, pengetua PTE SMK (L) Methodist (2021 – kini) yang sentiasa memberikan nasihat. Terima kasih juga kepada penolong-penolong kanan, guru-guru dan rakan sekerja yang telah banyak memberikan motivasi dalam usaha menyiapkan kajian ini. Jutaan rasa penghormatan diajukan kepada ahli keluarga terdekat iaitu bondaku, mak cik dan sepupu yang dikasihi. Segala pengorbanan, didikan, dorongan dan curahan kasih sayang sangatlah dihargai. Sekalung penghargaan juga dikirimkan kepada ayahandaku yang sentiasa memerhati dan melindungi kami dari dunia akhirat. Keluarga yang disayangi, kalianlah yang menjadi penguat semangatku dalam kehidupan ini. Semoga Tuhan sentiasa memberkati keluargaku yang disayangi ini. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu tanpa rasa jemu iaitu Lee Siew Chin, Hasnul Husna bt. Hussien, Yee Kok Jing dan Lee Sheng Yue. Terima kasih juga kepada rakan-rakan rapat iaitu Chang Chin Hui, Leong In Tyng, Tan Chin Wei dan Muhammad Fakhrul Ikhwan bin Mohd Aznizam yang banyak menyokong saya. Terima kasih juga kepada pelajar-pelajar UPSI yang telah dipilih untuk menjadi responden serta pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses menjalankan kajian ini.





ABSTRAK

Dasar pecah dan perintah mewujudkan polarisasi etnik yang menjejaskan hubungan etnik dan kesepaduan sosial. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat pola hubungan etnik dan pola kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar di UPSI yang merangkumi tiga etnik utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah penyelidikan kaedah kuantitatif menerusi kajian tinjauan. Instrumen soal selidik telah dipilih dan data yang diperoleh dinalisis secara deskriptif menggunakan SPSS Versi 24. Responden kajian ini adalah seramai 491 orang mahasiswa UPSI yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India yang dipilih secara rawak. Kajian ini menggunakan dua instrumen utama iaitu batas etnik dan hubungan rentas sosial bagi memahami hubungan etnik yang diselaraskan dengan kesepaduan sosial. Data yang diperoleh menunjukkan pola hubungan etnik adalah baik untuk kesemua etnik yang dikaji terutamanya dalam dimensi kepentingan peribadi berbentuk material dan kepentingan peribadi berbentuk tuntutan sosial. Namun begitu, dapatan kajian juga menunjukkan batas etnik adalah tebal dalam kepentingan peribadi berbentuk status sosial. Hubungan rentas sosial terbina dengan kukuh dalam peringkat peribadi, komuniti dan institusi. Walaupun ciri keahlian organisasi adalah bersifat multietnik, tetapi kajian ini menunjukkan tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti anjuran universiti adalah rendah. Selain itu, pola kesepaduan sosial juga turut wujud dengan kukuh dalam kalangan pelajar. Kesepaduan sosial yang kuat wujud dalam dimensi kekitaan, keterangkuman, pengiktirafan dan kesaksamaan. Kesepaduan sosial dalam dimensi legitimasi berbentuk sederhana manakala rapuh dalam dimensi penyertaan. Tambahan pula, terdapat hubungan signifikan antara etnik dengan kesepaduan sosial. Hubungan ini lebih kuat dalam dimensi kekitaan dan pengiktirafan. Hubungan sederhana pula dikesan dalam dimensi keterangkuman, penyertaan dan legitimasi manakala hubungan yang longgar dilihat dalam dimensi kesaksamaan. Hipotesis kajian turut dapat dibuktikan iaitu batas etnik yang nipis antara etnik dapat mewujudkan kesepaduan sosial yang utuh. Implikasi kajian menunjukkan keadaan hubungan etnik yang baik dapat memupuk kesepaduan sosial seterusnya mengukuhkan pembinaan negara bangsa.





ETHNIC RELATIONS AND SOCIAL COHESION AMONG STUDENTS IN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ABSTRACT

Divide and rule policy has caused ethnic polarisation affecting ethnic relations and social cohesion. The aim of this study is to understand ethnic relations and social cohesion patterns among students in UPSI that include three main ethnics in Malaysia which are Malays, Chinese and Indians. The methodology used was quantitative method research through survey. The questionnaire instrument was selected and the data obtained was analysed descriptively using SPSS Version 24. The respondents of this study involved 491 UPSI students who were randomly selected from the Malay, Chinese and Indian ethnics. This study used two main instruments which were the ethnic boundaries and cross social relationships to understand ethnic relations that were linked with social cohesion. The data obtained shows that the pattern of ethnic relation is good within all ethnicities especially in the dimensions of personal interest in the form of material and social demands. However, thick ethnic boundaries in personal interest in the form of social status. Cross social relationships are firmly built at the personal, community and institutional levels. Although the membership characteristics of the organization are multiethnic, the level of student involvement in activities organised by university are low. Besides that, strong social cohesion pattern exists among students. Strong social cohesion exists in the dimensions of belonging, insertion, recognition and equality. Social cohesion in the legitimacy dimension is moderately shaped while fragile in the participation dimension. Furthermore, there is a significant relationship between ethnicity and social cohesion. This relationship is stronger in the dimensions of belonging and recognition. Moderate relationships are detected in the dimensions of insertion, participation and legitimacy while loose relationship is seen in the dimension of equality. The research hypothesis is proven that thin ethnic boundaries between ethnic groups creates strong social cohesion. The implication of the study shows that good state of ethnic relations can foster social cohesion and further strengthen nation building.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	x
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xix

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.3	Penyataan Masalah	17
1.4	Objektif Kajian	23
1.5	Soalan Kajian	24
1.6	Hipotesis Kajian	24
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	24
1.8	Kepentingan Kajian	25
1.9	Batasan Kajian	28



1.10	Definisi Operasional	28
1.10.1	Etnik dan Hubungan Etnik	28
1.10.2	Batas Etnik	29
1.10.3	Hubungan Rentas Sosial	30
1.10.4	Kesepaduan Sosial	31
1.10.5	Komuniti Pelajar	31
1.11	Organisasi Bab	32
1.12	Rumusan	33

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	35
2.2	Konsep	36
2.2.1	Konsep Etnik dan Hubungan Etnik	36
2.2.2	Konsep Batas Etnik	39
2.2.3	Konsep Hubungan Rentas Sosial	41
2.2.4	Konsep Kesepaduan Sosial	43
2.2.5	Konsep Komuniti Pelajar	47
2.3	Teori	49
2.3.1	Teori Pilihan Rasional	49
2.3.2	Teori Pemodenan	52
2.4	Sorotan Kajian Lepas	56
2.4.1	Kajian dalam Masyarakat	57
2.4.2	Kajian dalam Institusi Pendidikan	86
2.5	Rumusan	130

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	131
3.2	Reka Bentuk Kajian	132
3.3	Lokasi Kajian	132
3.4	Populasi dan Sampel	133
3.5	Instrumen	136
3.6	Kajian Rintis	137
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	138
3.8	Kaedah Menganalisis Data	139
3.9	Rumusan	140

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	141
4.2	Latar Belakang Responden	141
4.2.1	Jantina Responden	142
4.2.2	Fakulti Responden	142
4.2.3	Etnik Responden	143
4.3	Pola Hubungan Etnik	144
4.3.1	Batas Etnik	144
4.3.1.1	Kepentingan Peribadi Berbentuk Material	144
4.3.1.2	Kepentingan Peribadi Berbentuk Status Sosial	145
4.3.1.3	Kepentingan Peribadi Berbentuk Tuntutan Sosial	147





4.3.2 Hubungan Rentas Sosial	148
4.3.2.1 Peringkat Individu	148
4.3.2.2 Peringkat Komuniti	150
4.3.2.3 Peringkat Institusi	152
4.4 Pola Kesepaduan Sosial	158
4.4.1 Dimensi Kekitaan	158
4.4.2 Dimensi Keterangkuman	159
4.4.3 Dimensi Penyertaan	161
4.4.4 Dimensi Pengiktirafan	162
4.4.5 Dimensi Legitimasi	164
4.4.6 Dimensi Kesaksamaan	165
4.5 Hubungan Etnik dengan Kesepaduan Sosial	167
4.5.1 Hubungan Etnik dengan Dimensi Kekitaan	167
4.5.2 Hubungan Etnik dengan Dimensi Keterangkuman	169
4.5.3 Hubungan Etnik dengan Dimensi Penyertaan	171
4.5.4 Hubungan Etnik dengan Dimensi Pengiktirafan	173
4.5.5 Hubungan Etnik dengan Dimensi Legitimasi	176
4.5.6 Hubungan Etnik dengan Dimensi Kesaksamaan	178
4.6 Komuniti Pelajar	179
4.6.1 Dimensi Perpaduan	179
4.6.2 Dimensi Pendidikan	181
4.6.3 Dimensi Ekonomi	182
4.6.4 Dimensi Kualiti Hidup	184
4.6.5 Dimensi Keselamatan	185



4.6.6 Dimensi Kesenian	186
4.7 Rumusan	188

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	189
5.2 Latar Belakang Responden	190
5.3 Pola Hubungan Etnik	191
5.3.1 Batas Etnik	191
5.3.2 Hubungan Rentas Sosial	194
5.4 Pola Kesepaduan Sosial	198
5.5 Hubungan Etnik dengan Kesepaduan Sosial	203
5.6 Komuniti Pelajar	205
5.7 Cadangan	208
5.7.1 Cadangan Mengukuhkan Kesepaduan Sosial	208
5.7.2 Cadangan Kajian Lanjutan	210
5.8 Rumusan	211

RUJUKAN	215
----------------	-----

LAMPIRAN	226
-----------------	-----

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1.1	IKM (kes per sejuta penduduk)	19
3.1	Jumlah Populasi Pelajar Mengikut Fakulti dan Etnik di Semester 2 Sesi 2017/2018	134
3.2	Penentuan Saiz Populasi	135
4.1	Jantina Responden	142
4.2	Fakulti Reponden	143
4.3	Etnik Reponden	143
4.4	Kepentingan Peribadi Berbentuk Material (%)	145
4.5	Kepentingan Peribadi Berbentuk Status Sosial (%)	147
4.6	Kepentingan Peribadi Berbentuk Tuntutan Sosial (%)	148
4.7	Hubungan Rentas Sosial Peringkat Individu (%)	150
4.8	Hubungan Rentas Sosial Peringkat Komuniti (%)	152
4.9	Ciri Keahlian Peringkat Institusi (%)	155
4.10	Ciri Keahlian Peringkat Institusi (Satu Etnik/ Multietnik)	155
4.11	Tahap Penyertaan dalam Peringkat Institusi (%)	157
4.12	Kesepaduan Sosial dalam Dimensi Kekitaan (%)	159
4.13	Kesepaduan Sosial dalam Dimensi Keterangkuman (%)	161
4.14	Kesepaduan Sosial dalam Dimensi Penyertaan (%)	162
4.15	Kesepaduan Sosial dalam Dimensi Pengiktirafan (%)	164
4.16	Kesepaduan Sosial dalam Dimensi Legitimasi (%)	165



4.17	Kesepaduan Sosial dalam Dimensi Kesaksamaan (%)	167
4.18	Data Deskriptif Hubungan Etnik dengan Dimensi Kekitaan	168
4.19	Ujian ANOVA Hubungan Etnik dengan Dimensi Kekitaan	169
4.20	Data Deskriptif Hubungan Etnik dengan Dimensi Keterangkuman	170
4.21	Ujian ANOVA Hubungan Etnik dengan Dimensi Keterangkuman	171
4.22	Data Deskriptif Hubungan Etnik dengan Dimensi Penyertaan	172
4.23	Ujian ANOVA Hubungan Etnik dengan Dimensi Penyertaan	173
4.24	Data Deskriptif Hubungan Etnik dengan Dimensi Pengiktirafan	175
4.25	Ujian ANOVA Hubungan Etnik dengan Dimensi Pengiktirafan	175
4.26	Data Deskriptif Hubungan Etnik dengan Dimensi Legitimasi	177
4.27	Ujian ANOVA Hubungan Etnik dengan Dimensi Legitimasi	177
4.28	Data Deskriptif Hubungan Etnik dengan Dimensi Kesaksamaan	178
4.29	Ujian ANOVA Hubungan Etnik dengan Dimensi Kesaksamaan	179
4.30	Dimensi Perpaduan (%)	181
4.31	Dimensi Pendidikan (%)	180
4.32	Dimensi Ekonomi (%)	183
4.33	Dimensi Kualiti Hidup (%)	185
4.34	Dimensi Keselamatan (%)	186

4.35 Dimensi Kesenian (%)

187

SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1 Kerangka Konseptual Kajian

24

**SENARAI SINGKATAN**

ANOVA	Analysis of Variance
BN	Barisan Nasional
CLC	Communities Liaison Committee
DAP	Democratic Action Party
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DKK	Dasar Kebudayaan Kebangsaan
FBK	Fakulti Bahasa dan Komunikasi
FMSP	Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
FPEK	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPM	Fakulti Pembangunan Manusia
FSK	Fakulti Sains Kemanusiaan
FSKIK	Fakulti Seni Pengkomputeran dan Industri Kreatif
FSMT	Fakulti Sains dan Matematik
FSSKj	Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan
FTV	Fakulti Teknik dan Vokasional
GST	Cukai Barang dan Perkhidmatan
IKM	Indeks Ketegangan Masyarakat
IPNas	Indeks Perpaduan Nasional
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta





JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MPAJA	Malayan People's Anti Japanese Army
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PH	Pakatan Harapan
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPPM (PT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
PRU	Pilihan Raya Umum
RIMUP	Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan
SITC	Sultan Idris Training College
SJK (C)	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)
SJK (T)	Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)
SK	Sekolah Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
SW	Sekolah Wawasan
TITAS	Tamadun Islam dan Tamadun Asia
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UMNO	United Malays National Organization





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xviii

UMP

Universiti Malaysia Pahang

UPSI

Universiti Pendidikan Sultan Idris



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A Borang Soal Selidik



BAB 1

PENDAHULUAN



Elemen perpaduan, pembinaan negara bangsa, hubungan etnik dan kesepaduan sosial mempunyai perkaitan antara satu sama lain sama ada secara langsung atau tidak langsung. Setiap negara di dunia ini ingin mewujudkan perpaduan yang kukuh dalam kalangan rakyat untuk membina sebuah negara bangsa yang berdaulat. Perpaduan yang sebenar masih belum tercapai di Malaysia. Pembinaan negara bangsa pula bukan satu usaha yang mudah untuk dilaksanakan. Hubungan etnik yang kuat perlu dibina melalui kewujudan persefahaman dan penerimaan antara etnik. Kesepaduan sosial merupakan perkara asas yang perlu dibentuk dan diperkukuhkan untuk mencapai perpaduan dalam kalangan masyarakat.





Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 melalui kontrak sosial yang dipersetujui antara etnik. Tolak ansur antara etnik ini membolehkan kerajaan untuk melaksanakan pembangunan negara. Proses pembangunan yang pesat telah membawa kepada berlakunya modenisasi. Negara ini telah berubah daripada ekonomi bercorak tradisi kepada ekonomi bercorak moden dan perubahan yang berlaku ini dirujuk sebagai proses modenisasi (Mohd Syariefudin Abdullah, 2014). Struktur ekonomi Malaysia telah berubah daripada sektor pertanian ke sektor perindustrian. Perkembangan sektor perindustrian telah berlaku seiring dengan proses perbandaran. Proses modenisasi telah membawa cabaran baharu terhadap usaha-usaha ke arah perpaduan nasional dan pembangunan negara.

Pembangunan negara yang lebih menyeluruh perlu dilaksanakan selepas pembentukan negara Malaysia pada 16 September 1963 dengan kemasukan Sabah, Sarawak dan Singapura. Singapura dikeluarkan dari Malaysia pada tahun 1965 disebabkan oleh percanggahan pendapat yang ketara antara Perdana Menteri Malaysia pertama, Tunku Abdul Rahman dengan Ketua Menteri Singapura, Lee Kuan Yew pada ketika itu. Tunku Abdul Rahman beranggapan bahawa kerajaan pusat mempunyai kuasa terhadap kerajaan negeri termasuk Singapura menerusi konsep Kerajaan Persekutuan. Lee Kuan Yew pula memperjuangkan konsep Malaysian Malaysia yang menekankan konsep sama rata antara etnik tanpa melebihkan atau mengurangkan kepentingan sesebuah etnik dalam modenisasi (Hamdan Aziz, Hartini Husin & Siti Fatimah Mohd Noor, 2020).

Konsep pembinaan negara bangsa pula mula dibincangkan sejak tahun 1990-an apabila Perdana Menteri Malaysia keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan





idea Wawasan 2020 pada 28 Februari 1991 (Mohd Syarifudin Abdullah, Mohamad Kamal Kamaruddin & Ahmad Sohaimi Lazim, 2009). Mohd Syarifudin Abdullah et al. (2009) menjelaskan bahawa konsep negara bangsa merujuk kepada sebuah negara berdaulat yang rakyatnya hidup bersatu padu tanpa dipisahkan oleh sentimen perkauman, keturunan, agama, bahasa, budaya, daerah dan sebagainya yang dilihat mampu membawa kepada perpecahan.

Konsep negara bangsa boleh dibincangkan melalui tiga sudut pandangan iaitu negara etnik (*ethno nation*), negara sivik (*civic nation*) dan *ethno sivic nation*. Ciri-ciri negara etnik ialah mendukung satu bangsa, satu bahasa dan satu agama serta menolak sebarang unsur luar. Negara etnik ini bersifat asimilasi dan meminggirkan etnik minoriti. Negara sivik pula lebih mementingkan perpaduan yang boleh dicapai melalui solidariti iaitu perpaduan dan kesepaduan sosial. Negara sivik ini mengekalkan tradisi etnik minoriti selagi tidak mengganggu pentadbiran autonomi. *Ethno sivic nation* menggabungkan kumpulan etnik yang berlainan ke dalam satu unit politik sebagai perkara asas dalam projek nasional. *Ethno sivic nation* ini menjelaskan bahawa ikatan kenegaraan boleh berubah dan menolak pandangan sesebuah negara itu dibina berasaskan pertalian darah. Konsep pembinaan negara bangsa di Malaysia adalah berbentuk *ethno sivic nation* yang mementingkan kepelbagaian (Mohd Syarifudin Abdullah, 2014).

Terdapat dua pandangan berbeza tentang proses pembinaan negara bangsa Malaysia. Abdul Rahman Embong (2001) berpendapat bahawa Malaysia masih belum mampu untuk mencapai negara bangsa walaupun telah memperoleh kemerdekaan pada tahun 1957 dan pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Beliau mengatakan



Malaysia hanya mencapai sebuah negara sahaja. Pembentukan negara bangsa Malaysia masih dalam proses dan cabaran terbesar ialah menyatukan pelbagai etnik.

Walau bagaimanapun, Shamsul Amri Baharuddin (2012) pula berpandangan bahawa Malaysia telah mencapai status negara bangsa, cumanya masih belum cukup kukuh. Negara bangsa Malaysia telah dibentuk kerana anggota masyarakat sudah melalui proses perkongsian sejarah secara bersama. Beliau menjelaskan pembinaan negara bangsa melalui tiga era iaitu era konflik (1945 – 1960), era stabil tapi tegang (1961 – 1970) dan era kesepaduan sosial (1971 – 2011). Dalam era konflik, kewujudan Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJA), penubuhan Malayan Union 1946 dan Persekutuan Tanah Melayu 1948 merupakan situasi yang dapat menjelaskan konflik antara etnik. Era stabil tapi tegang pula dapat dijelaskan menerusi peristiwa rusuhan

Satu konsep baru yang dibawa masuk pada tahun 2000-an ialah kesepaduan sosial. Kesepaduan sosial mula dibincangkan oleh pakar-pakar bidang hubungan etnik tempatan. Antara pakar yang membincangkan konsep kesepaduan sosial ini ialah Shamsul Amri Baharuddin dan Mansor Mohd. Noor. Konsep ini kerap digunakan pada masa ini untuk membincangkan hal hubungan etnik di Malaysia berbanding dengan konsep integrasi dan perpaduan yang diguna pakai pada masa dahulu. Hubungan etnik perlu dikaji dari sudut kesepaduan sosial berbanding dengan sudut konflik supaya lebih adil dan wajar. Hubungan etnik di Malaysia banyak ditafsir dari sudut konflik sejak zaman penjajahan untuk memahami masalah yang timbul. Keadaan ini menyebabkan sarjana sukar untuk menjelaskan hubungan etnik dari sudut yang lain (Shamsul Amri Baharuddin, 2012).



Pihak kerajaan mahupun rakyat perlu melakukan pelbagai usaha untuk mengukuhkan kesepaduan sosial di Malaysia. Hal ini demikian kerana Malaysia terdiri daripada rakyat yang berbilang etnik yang mempunyai banyak perbezaan dari sudut agama, kepercayaan, amalan, adat resam, budaya dan bahasa. Dasar pecah dan perintah yang dibentuk oleh British pada ketika dahulu turut memberi kesan buruk terhadap pencapaian kesepaduan sosial. Konflik-konflik etnik yang berlaku sejak zaman kemerdekaan sehingga kini juga boleh menggugat kesepaduan sosial.

Kebelakangan ini, masyarakat menaruh persepsi yang agak negatif terhadap hubungan etnik di Malaysia. Mansor Mohd Noor, Azlina Abdullah dan Mohd Mahadee Ismail (2016) menjelaskan bahawa situasi ini dapat dilihat pada laporan pada akhbar, terutamanya dalam talian yang membahaskan isu-isu etnik dan agama tanpa memikirkan kesan terhadap pelbagai kumpulan dalam masyarakat. Sesetengah pergerakan sosial sukarelawan dan ahli-ahli politik turut memutar belit isu keetnikan dan keagamaan sehingga melemahkan perpaduan negara.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pembentukan negara Malaysia menghadapi pelbagai cabaran yang perlu diatasi. Negara Malaysia ditandai dengan hubungan etnik yang baik dan hubungan etnik yang buruk sejak kemerdekaan. Situasi ini mempunyai kaitan dengan latar belakang pembentukan negara ini. Malaysia sebelum itu dikenali dengan Tanah Melayu adalah negara yang lahir daripada rantau Alam Melayu atau Nusantara yang menjadi tulang belakang kepada pembentukan Malaysia itu sendiri. Dalam proses ini British telah memainkan





peranan dengan menjajah Tanah Melayu dan membawa kemasukan kaum imigran ke Tanah Melayu antaranya dari negara China dan India secara besar-besaran bertujuan membantu British dalam menguasai aktiviti ekonomi di Tanah Melayu. Situasi ini menyebabkan wujud polarisasi etnik antara tiga etnik utama di Tanah Melayu iaitu etnik Melayu, Cina dan India.

Semasa British menjajah Tanah Melayu, British telah melaksanakan dasar pecah dan perintah. Dasar ini mengasingkan kelompok etnik mengikut kawasan berdasarkan aktiviti ekonomi. Sebahagian besar daripada etnik Melayu menjalankan kegiatan ekonomi di luar bandar sebagai petani dan nelayan. Etnik Cina pula menetap di kawasan bandar dengan menjadi peniaga dan pelombong terutamanya bijih timah. Etnik India tinggal di kawasan ladang getah dan bekerja sebagai penoreh getah (Zaid



Pengasingan kelompok etnik berdasarkan aktiviti ekonomi dalam satu unit politik iaitu pentadbiran British telah mengurangkan persefahaman dan kerjasama antara etnik. Etnik-etnik ini kurang berinteraksi antara satu sama lain kerana tempat tinggal mereka turut terpisah. Mereka hanya berinteraksi di tempat-tempat awam seperti di pasar untuk melakukan aktiviti harian. Senario ini telah dijelaskan oleh Furnivall (1948) melalui teori masyarakat majmuk. Masyarakat majmuk merupakan masyarakat yang bercampur tetapi tidak bersatu. Keadaan ini menyebabkan sesebuah etnik kurang memahami cara hidup etnik yang lain yang menjadi penghalang kepada perpaduan.





British turut melaksanakan dasar *laissez-faire* dalam pendidikan yang menyebabkan lima jenis persekolahan wujud di Tanah Melayu. Sekolah-sekolah vernakular yang diwujudkan ialah sekolah vernakular Melayu, Cina, Tamil, Inggeris dan agama madrasah (Noriati Rashid, Lee, Zulkifli Mahyudin & Zakiah Noordin, 2012). Sekolah-sekolah vernakular ini didirikan oleh etnik masing-masing yang menggunakan bahasa ibunda mereka sebagai bahasa pengantar. Guru-guru sekolah Cina, Tamil dan Inggeris adalah dari negara masing-masing.

British tidak mahu menggunakan wang untuk memajukan institusi pendidikan kerana fokus utama ialah memonopoli sektor ekonomi Tanah Melayu. Sekolah Melayu yang dibina oleh British pada asalnya hanya untuk anak-anak bangsawan Melayu. Keadaan inilah yang mendorong pendakwah Kristian untuk mendirikan sekolah vernakular Inggeris dan sekolah vernakular Cina dibina oleh etnik Cina. Sekolah vernakular Tamil pula didirikan oleh tuan punya ladang dan sekolah agama madrasah dibuka oleh etnik Melayu. British telah mendirikan beberapa Free School yang dibuka untuk semua etnik dengan bayaran yuran. Matlamat pembukaan Free School adalah untuk menjamin keperluan tenaga kerja separuh mahir seperti pegawai pentadbir rendah (Noriati Rashid et al., 2012).

Sekolah-sekolah vernakular ini menghadapi masalah tertentu. Sekolah vernakular Melayu menghadapi masalah kekurangan guru. Pelajar perempuan pula tidak digalakkan untuk belajar. Selain itu, sekolah vernakular Cina dimajukan oleh etnik Cina bagi memastikan warisan budaya dan bahasa Cina dapat dikekalkan di tempat asing, iaitu di Tanah Melayu. Tambahan pula, sekolah vernakular India menghadapi masalah bilangan pelajar yang sangat rendah. Keadaan ini berlaku kerana





tahap kesedaran etnik India terhadap pendidikan adalah rendah. Bukan itu sahaja, sekolah vernakular menghadapi kekurangan dari segi infrastruktur, buku teks dan tenaga pengajar (Noriati Rashid et al., 2012).

Dasar pecah dan perintah bukan sahaja dilaksanakan terhadap aspek ekonomi tetapi juga aspek sosial khususnya bidang pendidikan. Dari aspek ekonomi, British dapat menguasai semua ekonomi di Tanah Melayu. British dapat memperoleh dan membekalkan sumber bahan mentah yang sangat diperlukan oleh negara Eropah terutamanya dalam sektor perindustrian dan perkilangan. Dari aspek sosial pula, British memperkenalkan sistem pendidikan vernakular kerana British ingin mengelakkan peningkatan taraf hidup bagi masyarakat Tanah Melayu. Selain itu, British ingin mengekalkan buruh-buruh secara berasingan mengikut etnik dan tidak mahu buruh-buruh tersebut mencapai perpaduan. Seterusnya, British lebih mudah untuk memerintah orang yang kurang berpendidikan atau berpendidikan tidak sempurna. Di samping itu, British memajukan kawasan ladang bagi mendapat hasil bumi khususnya getah, kopi dan gula. Akhir sekali, British memajukan kawasan sawah padi bagi mendapat sumber makanan utama iaitu beras (Parameswari Krishnan, J. Hinduja Jayer Raman, Said Darkasi & Rohini Krishnan, 2020).

Sewaktu Tanah Melayu dijajah oleh Jepun dari tahun 1942 hingga tahun 1945, Jepun bersifat anti-Cina ekoran daripada perang Jepun-China. Jepun banyak memberikan peluang kepada etnik Melayu terutamanya dalam sistem pentadbiran yang telah menimbulkan kemarahan etnik Cina dan merenggangkan hubungan etnik. Selepas Jepun menyerah kalah dan sebelum British kembali berkuasa, ramai etnik Cina yang menganggotai MPAJA telah membalas dendam terhadap etnik Melayu akibat layanan





tidak adil yang diberikan oleh Jepun. Pergaduhan serius antara etnik Melayu dengan Cina telah melibatkan banyak kematian. MPAJA dapat dikalahkan setelah British kembali ke Tanah Melayu (Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin, 2011).

British telah mengambil langkah untuk meredakan konflik antara tiga etnik utama, iaitu etnik Melayu, Cina dan India dengan menubuhkan Communities Liaison Committee (CLC). Usaha ini dilaksanakan oleh Malcom MacDonald, Pesuruhjaya Tinggi British di Asia Tenggara untuk mewujudkan satu badan perunding antara etnik bagi mewujudkan kesepaduan sosial. Badan ini merupakan satu medan bagi ketua-ketua etnik Melayu, Cina dan India untuk berunding secara terbuka dalam usaha mencari penyelesaian. CLC ini dikatakan asas perkongsian kuasa dan permuafakatan politik antara tiga etnik utama. Keadaan ini menunjukkan tolak ansur etnik telah wujud dan kaedah perundingan digunakan untuk menyelesaikan masalah (Shamsul Amri Baharuddin, 2012).

CLC yang merupakan badan kerjasama antara etnik dibentuk sebagai alternatif dengan harapan untuk mengekang penyebaran pengaruh komunis (Suzy Aziziyana Saili, Rosila Bee Mohd Hussain & Khairulnizam Mat Karim, 2018; Mohd Rizal Mohd Yaakop, 2010). Isu pemberian taraf kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu turut dapat diselesaikan. Malcom Macdonald telah menyakinkan pemimpin etnik Melayu bahawa kegagalan memberikan kewarganegaraan liberal kepada orang bukan Melayu akan menyebabkan etnik Cina terdorong untuk menyertai komunis dan menyertai parti berhaluan kiri. Oleh itu, CLC bersetuju untuk memberi taraf kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu berdasarkan konsep jus soli. CLC turut bersetuju untuk menjaga kedudukan dan layan istimewa etnik Melayu seperti yang terkandung dalam Perjanjian





Persekutuan. Penubuhan CLC yang mendapat sokongan British merupakan perintis kepada usaha pemupukan kesepaduan sosial di Tanah Melayu (Suzy Aziziyana Saili et al., 2018).

Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan, peristiwa besar yang telah membantutkan proses perpaduan negara ialah rusuhan etnik 13 Mei 1969. Peristiwa ini merupakan sejarah hitam bagi negara Malaysia yang melibatkan pertumpahan darah yang serius antara etnik Melayu dan Cina. Rusuhan etnik ini terjadi ekoran daripada Pilihan Raya Umum (PRU) 1969. Parti-parti politik telah memainkan sentimen perkauman dan melemparkan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas. Perarakan kemenangan besar oleh Gerakan dan Democratic Action Party (DAP) yang tidak terkawal dan perhimpunan balas oleh United Malays National Organization (UMNO) telah mengeruhkan lagi keadaan (Abdul Rahman Ibrahim, 2015; Comber, 2013; Tunku Abdul Rahman, 2007). Kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa yang ramai telah meletakkan negara Malaysia dalam darurat.

Selepas peristiwa tersebut, pihak kerajaan pada ketika itu telah mengambil langkah-langkah untuk memulihkan keadaan dengan melaksanakan pelbagai ideologi dan dasar negara. Ideologi kebangsaan yang pertama ialah Rukun Negara yang diperkenalkan pada tahun 1970. Rukun Negara diwujudkan dalam mesyuarat Majlis Perundingan Negara di bawah pentadbiran Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Penggubalan Rukun Negara ini mengandungi lima objektif. Objektif yang pertama ialah mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat. Objektif yang kedua ialah memelihara satu cara hidup yang demokratik. Objektif yang ketiga pula ialah mencipta sebuah masyarakat yang adil supaya kemakmuran negara dapat





dinikmati bersama secara adil dan saksama. Objektif yang keempat ialah menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan pelbagai corak. Objektif yang kelima ialah membina sebuah masyarakat progresif yang menggunakan sains dan teknologi moden. Terdapat lima prinsip Rukun Negara yang digariskan bagi mencapai objektifnya. Ideologi ini menjadi rujukan penting bagi sebarang pembuatan dasar supaya perpaduan etnik dapat dicapai. Sehingga kini, lima prinsip Rukun Negara dilafazkan semasa waktu perhimpunan di semua sekolah (Zaid Ahmad, 2013).

Seterusnya, Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1970 dikatakan serampang dua mata kerana merupakan satu rancangan pembangunan ekonomi dan perpaduan negara. Matlamat pertama dasar ini adalah mengurangkan dan membasmi kemiskinan dengan menambah pendapatan dan memperbanyak peluang pekerjaan kepada semua rakyat. Matlamat kedua pula adalah menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi DEB terbukti berjaya apabila kadar kemiskinan luar bandar menunjukkan penurunan daripada 50.9 peratus pada tahun 1976 kepada 21.8 peratus pada tahun 1990 (Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin, 2011).

Di samping itu, Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) yang diperkenalkan pada tahun 1971 merupakan satu garis panduan dalam menyatupadukan masyarakat yang berbilang etnik di Malaysia. Dasar ini menekankan tiga prinsip utama dalam pelaksanaan melahirkan suatu kebudayaan nasional mengikut acuan Malaysia. Prinsip yang ditekankan ialah dasar ini berteraskan kepada kebudayaan rakyat rantau ini, kewajaran dan kesesuaian unsur-unsur kebudayaan lain dan Islam sebagai unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan. DKK ini dikatakan berjaya



kerana identiti kewarganegaraan dan seni budaya Malaysia bukan sahaja dapat dilihat dalam aktiviti tempatan, malahan juga dalam perayaan antarabangsa (Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin, 2011).

Selain DEB dan DKK yang mengandungi elemen perpaduan, pendidikan juga merupakan salah satu alat untuk mencapai perpaduan. Sekolah merupakan tempat yang asas untuk pelajar-pelajar berinteraksi tanpa mengira etnik. Sistem pendidikan yang ideal merupakan sistem yang turut menyentuh soal perpaduan dan persefahaman etnik (Ahmad Fawzi Basri, Abdul Halim Hamid & Abdul Rahman Aziz, 1987). Unsur-unsur perpaduan cuba diterapkan melalui aktiviti-aktiviti sekolah dalam aspek kurikulum mahupun kokurikulum. Pihak kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk membentuk satu jenis sistem persekolahan sejak zaman sebelum merdeka tetapi

Akhirnya, sekolah vernakular bertukar kepada sekolah pelbagai aliran dan kurikulum pendidikan telah diseragamkan yang dapat memupuk perpaduan. Sistem pendidikan semasa adalah berpandukan Akta Pendidikan 1996 yang berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Sistem pendidikan ini memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, satu kurikulum dan peperiksaan awam yang sama. Pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua diteruskan manakala pengajaran bahasa asing juga digalakkan. Pendidikan berkaitan nilai-nilai murni turut diberi keutamaan (Noriati Rashid et al., 2012).

Institut Pengajian Tinggi (IPT) juga mengalami penyeragaman kurikulum pada tahun 2005. Kurikulum bagi kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) pada



asalnya empat jam kredit telah dirombak dan diperkukuhkan menjadi dua jam kredit. Kursus Hubungan Etnik pula dilaksanakan di semua Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang dijadikan dua jam kredit. Kursus TITAS dan Hubungan Etnik turut dijadikan sebagai kursus wajib universiti. Kedua-dua kursus wajib ini mula dilaksanakan pada sesi akademik 2005/2006. Hasil pembelajaran kursus Hubungan Etnik diharapkan dapat membantu para mahasiswa dan mahasiswi untuk mengenali pelbagai budaya dan etnik yang wujud di Malaysia. Selain itu, para pelajar IPT diharapkan dapat meningkatkan sikap tanggungjawab antara etnik. Bukan itu sahaja, para pelajar turut diharapkan dapat memahami cabaran pluralisasi budaya dan permuafakatan sosial (Hamidah Ab Rahman et al., 2011).

Tambahan pula, para mahasiswa dan mahasiswi diharapkan dapat mengelakkan timbulnya perasaan etnosentrik, stereotaip dan prejudis dalam kalangan pelajar yang berlainan etnik, agama dan bahasa (Muhamad Amar Mahmad, 2019). Perasaan etnosentrik merupakan rasa bangga atau kepercayaan yang wujud dalam seseorang individu atau masyarakat yang diwakilinya (Mohd Syariefudin Abdullah, 2014). Stereotaip ialah gambaran yang tetap dan sempit dalam pemikiran manusia serta sukar untuk diubah. Prejudis pula bermaksud tanggapan atau sikap yang biasanya bersifat buruk terhadap sesuatu kumpulan manusia atau etnik (Zaid Ahmad, 2013). Pengenalan kursus Hubungan Etnik merupakan usaha kerajaan untuk memupuk integrasi melalui sistem pendidikan. Oleh itu, kursus ini yang dijadikan sebagai kursus teras dan wajib lulus untuk para pelajar layak menjadi graduan merupakan tindakan yang tepat (Muhamad Amar Mahmad, 2019).





Di samping itu, langkah kerajaan dalam memperkenalkan kursus Hubungan Etnik adalah untuk mendidik pelajar yang terdiri dari berbilang etnik supaya sentiasa bersedia untuk mempertahankan keamanan dan keharmonian etnik. Kursus ini juga dapat mewujudkan masyarakat yang mengenali asal usulnya. Seterusnya, semua etnik sepatutnya mengetahui latar belakang struktur sosial, budaya masing-masing, kepelbagaian etnik, perbezaan kelas sosial dan politik serta menghormati kontrak sosial yang wujud. Kursus ini turut berperanan penting dalam mendidik para pelajar supaya menghormati Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, kursus Hubungan Etnik diharapkan dapat memberi kesedaran kepada setiap pelajar bahawa terdapat persamaan yang boleh dikongsi secara bersama hak-hak asasi sebagai warganegara Malaysia. Perbezaan yang dikongsi secara bersama pula ialah perbezaan kepercayaan, agama, budaya dan bahasa. Kursus ini sangat diperlukan untuk memastikan hubungan antara etnik berjalan dengan lancar dan berada dalam keadaan harmoni (Noor Aziera Mohamad Rohana, Siti Nurul Izza Hashim, Norafifah Ab Hamid, Mohd Faizal P. Rameli & Norizah Mohamed @ Haji Daud, 2020).

Corak sistem pendidikan yang digunakan ialah berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Terdapat tiga objektif khusus yang ditentukan iaitu memahami prestasi dan cabaran semasa, mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas dan menggariskan transformasi sistem pendidikan yang komprehensif. Terdapat lima aspirasi sistem yang telah dinyatakan dalam PPPM. Salah satu daripada aspirasi sistem ialah memupuk perpaduan dalam kalangan murid. Sekolah merupakan suatu tempat yang penting untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid. Hal ini dikatakan demikian kerana para murid menghabiskan lebih daripada satu per empat masa di sekolah. Seseorang murid akan berinteraksi dengan murid lain dari





pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama dan etnik. Murid-murid dapat belajar untuk memahami, menerima dan menghayati kepelbagaian ini. Oleh itu, berdasarkan nilai, pengalaman dan aspirasi, perpaduan negara dapat dibentuk dan diperkukuh (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2013).

Tambahan pula, terdapat enam aspirasi murid yang telah digariskan dalam PPPM. Salah satu daripada aspirasi murid ialah identiti nasional. Aspirasi ini menerangkan bahawa semua pelajar harus berbangga menjadi rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, agama dan status sosioekonomi. Rakyat Malaysia perlu berpegang teguh terhadap prinsip Rukun Negara dan menghayatinya untuk mencapai perpaduan. Keterangan yang paling penting dalam aspirasi ini berbunyi, “pencapaian matlamat patriotisme ini memerlukan semangat keterangkuman tinggi yang diperoleh dengan belajar memahami perbezaan dan bertolak ansur, menerima dan menghormati orang lain, serta hidup bersama dalam kepelbagaian masyarakat Malaysia” (KPM, 2013, ms. 2-7).

Corak sistem pendidikan tinggi yang digunakan pula berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) [PPPM (PT)] 2015 – 2025. Objektif PPPM (PT) juga sama seperti PPPM iaitu menilai prestasi dan cabaran semasa, mewujudkan aspirasi yang jelas bagi sistem dan pelajar serta membina program transformasi yang menyeluruh. Objektif PPPM (PT) ini digubal berdasarkan lima aspirasi sistem yang sama seperti dalam PPPM. Jika dilihat aspirasi sistem menerusi perpaduan, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tidak ada kaedah khusus yang digunakan secara menyeluruh untuk mengukur tahap perpaduan setakat ini. Oleh itu, satu kaedah baru akan dirangka untuk mengukur petunjuk perpaduan yang meliputi





tahap kepercayaan umum dalam kumpulan etnik, toleransi agama dan kaum serta interaksi sosial antara pelajar dalam komuniti yang berlainan. Walau bagaimanapun, KPT berusaha untuk memastikan enrolmen pelajar di IPT menunjukkan perpaduan dalam kepelbagaian etnik. Tujuan usaha ini adalah untuk mewujudkan sistem pendidikan yang membolehkan pelajar memahami nilai bersama dan berkongsi pengalaman serta aspirasi dalam menerima kepelbagaian etnik. Sistem pendidikan ini akan meliputi latar belakang, menggalakkan pemahaman dan menghargai semua budaya (KPM, 2015).

PPPM (PT) ini juga digubal berdasarkan enam aspirasi pelajar yang sama seperti dalam PPPM. Jika dilihat aspirasi pelajar menerusi identiti nasional, KPT ingin membentuk pelajar yang mempunyai jati diri kebangsaan dan memahami aspirasi negara. KPT sentiasa menekankan keseimbangan antara ilmu pengetahuan dengan akhlak seperti yang terkandung dalam FPK (KPM, 2015).

Menerusi keterangan tersebut, pelajar-pelajar diharapkan dapat memahami dan menerima perbezaan antara etnik di sekolah, kemudian sebagai mahasiswa atau mahasiswi di kolej mahupun universiti dan seterusnya dapat hidup bersama secara aman tanpa mengira etnik dalam kalangan masyarakat. Elemen perpaduan ini sememangnya telah diterapkan melalui silibus mata pelajaran dan sistem pendidikan sejak awal persekolahan.





1.3 Pernyataan Masalah

Dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh pihak British semasa zaman penjajahan telah memberikan kesan terhadap aspek sosioekonomi. Pengasingan kegiatan ekonomi mengikut etnik telah melebarkan jurang ekonomi dan perpaduan antara etnik. Dasar ini membawa kepada pengagihan ekonomi yang tidak seimbang dan kurang persefahaman antara etnik. Menurut Mohamed Ali Haniffa dan Ayu Nor Azilah Mohamad (2017), dasar pecah dan perintah British telah menebalkan sikap prejudis dan prasangka antara kumpulan etnik di Tanah Melayu. Dasar yang tidak adil ini terhadap semua etnik menyebabkan tercetusnya konflik etnik yang menggugat kesepaduan sosial.



Sejak zaman prakemerdekaan sehingga kini, terdapat banyak konflik etnik yang

masih wujud dan memberikan kesan terhadap pencapaian kesepaduan sosial. Dua konflik etnik yang berlaku selepas tahun 2000-an ialah rusuhan di Kampung Medan dan Plaza Low Yat. Rusuhan etnik di Kampung Medan pada Mac 2001 melibatkan etnik Melayu dan India. Rusuhan ini dibahagikan kepada dua tahap. Rusuhan tahap pertama berpunca daripada lelaki etnik India yang mabuk mengganggu majlis perkahwinan sebuah keluarga etnik Melayu yang menghalang sebahagian jalan raya. Rusuhan tahap kedua pula berpunca daripada seorang budak etnik India melastik pecah cermin van milik etnik India yang dipandu oleh etnik Melayu. Sebab utama rusuhan ini adalah disebabkan oleh gangsterisme remaja yang mempengaruhi salah faham etnik (Kamaruddin Said, 2002).





Konflik di Plaza Low Yat pada tahun 2015 pula melibatkan etnik Melayu dan Cina berpunca daripada kes kecurian telefon bimbit di Plaza Low Yat, Kuala Lumpur. Dalam laporan Bernama (2015), Perdana Menteri Malaysia keenam, Datuk Seri Najib bin Tun Abdul Razak mengatakan bahawa insiden yang berlaku di Plaza Low Yat bukan isu perkauman tetapi isu jenayah. Terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab sengaja menyemarakkan api perkauman. Daripada kedua-dua kejadian ini, kecenderungan konflik antara etnik mudah berlaku disebabkan oleh kehidupan berpuak-puak mengikut kelompok etnik yang berbeza. Seseengah individu bertindak terburu-buru apabila melibatkan konflik antara etnik sebelum memahami punca sebenar teretusnya sesuatu kejadian.

Pada masa yang sama, Bahagian Pengurusan Perpaduan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) pula berhasrat untuk memastikan Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) tidak melebihi 25 kes per sejuta penduduk. IKM merupakan satu indikator yang digunakan untuk melihat tahap ketegangan masyarakat di Malaysia dan membantu JPNIN untuk memahami perkara yang berlaku serta kesan jangka panjang (JPNIN, 2015).



Jadual 1.1*IKM (kes per sejuta penduduk)*

Tahun	IKM (kes per sejuta penduduk)
2008	27.9
2009	21.6
2010	22.5
2011	18.2
2012	19.9
2013	18.9
2014	14.1
2015	9.6
2016	19.2
2017	11.4
2018	11.6

Sumber: JPNIN (2015, 2019)

Berdasarkan Jadual 1.1, sejak tahun 2009 hingga tahun 2018, IKM sudah tidak melebihi 25 kes per sejuta penduduk. Walau bagaimanapun, IKM menunjukkan pola tidak konsisten dalam tempoh ini. IKM kelihatan menurun tetapi meningkat semula pada tahun 2010, 2012, 2016 dan 2018. Data ini menunjukkan perpaduan masih tidak kukuh meskipun IKM kelihatan menurun jika hanya membandingkan tahun 2008 dan tahun 2018. Keadaan ini menunjukkan konflik masih wujud dalam kalangan masyarakat. Setakat ini, JPNIN masih belum membekalkan IKM bagi tahun 2019 sehingga kini. Berdasarkan IKM dari tahun 2009 hingga tahun 2018, IKM bagi tahun 2019 sehingga kini dijangka mempunyai pola tidak konsisten. Jangkaan ini menunjukkan konflik boleh timbul antara etnik.

Dari aspek pendidikan pula, sistem pendidikan di negara ini terdiri daripada pelbagai jenis sekolah aliran. Sekolah aliran yang pelbagai ini mampu menyebabkan perpaduan sukar tercapai. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa lebih terdorong untuk memilih sekolah aliran bagi anak mereka mengikut etnik masing-masing (Mohd



Sohaimi Esa, Dayu Sansalu & Budi Anto Mohd Tamring, 2011). Terdapat pelbagai pandangan yang diketengahkan tentang pelaksanaan sistem pelbagai aliran ini. Sesetengah pihak yang berpendapat bahawa sistem ini menghalang proses perpaduan daripada tercapai dan sesetengah lagi mengatakan sistem ini tidak menjejaskan usaha perpaduan di negara kita.

Idea untuk menghasilkan sekolah satu aliran telah lama dikatakan sejak zaman kemerdekaan sehingga sekarang tetapi masih tidak dapat dilaksanakan atas tentangan masyarakat. Mantan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib bin Tun Abdul Razak mengatakan bahawa, “sehingga kini, masyarakat Malaysia masih belum bersetuju untuk menggunakan satu sistem sekolah sahaja. Masyarakat Cina dan India dilihat masih mahu menggunakan sistem sekolah pelbagai aliran yang dianggap dapat menjaga bahasa ibunda mereka dan menjamin hak-hak mereka” (Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin, 2011, ms. 41). Hal ini disebabkan oleh penggunaan bahasa utama yang berbeza di sekolah pelbagai aliran. Sebagai contohnya, penggunaan bahasa Cina dan Tamil adalah kurang di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Penggunaan bahasa Melayu pula adalah kurang di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) (SJK (C)) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) (SJK (T)).

Isu penggunaan bahasa pengantar yang berbeza turut dibincangkan oleh Lina Mastura Jusoh & Zaleha Embong (2021). Kebanyakan ibu bapa etnik Cina dan India tidak mahu untuk menghantar anak-anak mereka ke SK kerana bahasa ibunda mereka tidak dijadikan subjek wajib malah hanya sebagai subjek elektif. Bukan kesemua SK dan SMK menawarkan kelas bahasa ibunda mereka. Keadaan yang menghalang penawaran kelas bahasa ibunda di SK dan SMK ialah kekurangan bilangan pelajar yang





ingin mengambil dan kekurangan tenaga pengajar bagi subjek tersebut. Oleh itu, ramai ibu bapa etnik Melayu terdorong untuk menghantar anak mereka ke SK, etnik Cina ke SJK (C) dan etnik India ke SJK (T).

Kebelakangan ini, bilangan institusi-institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan semakin bertambah. Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang ditubuhkan baru-baru ini lebih memfokuskan kepada etnik-etnik tertentu yang akan menyukarkan proses perpaduan untuk tercapai (Hasnah Hussiin, 2009). Keadaan ini telah mewujudkan institusi pelbagai aliran secara tidak langsung. Keadaan ini juga dapat mempengaruhi pencapaian kesepaduan sosial seperti yang dialami menerusi kewujudan sekolah pelbagai aliran.



dari pelbagai etnik di IPT. Pelajar dari etnik Melayu kelihatan masih mempunyai sikap negatif terhadap bangsa dan elemen kebangsaan dengan tanggapan bahawa Hari Kebangsaan ialah hari cuti umum sahaja. Pelajar bukan dari etnik Melayu pula kurang menunjukkan sikap positif terhadap proses pembinaan negara bangsa (Noor Aziera Mohamad Rohana et al., 2020). Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2012), media massa juga melaporkan bahawa polarisasi etnik wujud di IPT. Mahasiswa dan mahasiswi didapati tidak berminat untuk berkongsi aktiviti harian dengan etnik lain seperti tinggal sebilik, makan bersama, belajar bersama dan bergaul bersama dalam kegiatan yang dianjurkan di dalam kampus. Menurut Hamidah Ab Rahman et al. (2011), kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara juga menunjukkan bahawa polarisasi etnik wujud dalam kalangan pelajar IPTA.





Dapatan kajian inilah yang menyebabkan kementerian bersetuju dengan cadangan untuk merombak kurikulum kursus TITAS dan Hubungan Etnik.

Kursus Kenegaraan Malaysia sudah pun menjadi kursus wajib di IPTA sebelum pengenalan kursus Hubungan Etnik. Kandungan kursus Kenegaraan Malaysia adalah berkaitan dengan sistem politik, ekonomi, sosial negara, pemupukan nilai patriotisme, keterbukaan, toleransi dan sedia memberi sumbangan kepada negara. Namun demikian, hubungan etnik di IPT masih dingin dan tidak memberangsangkan (Hamidah Ab Rahman et al., 2011).

Berdasarkan semua masalah yang diutarakan melalui data-data dan hujah-hujah tersebut, punca utama yang menggugat hubungan etnik di Malaysia ialah pelaksanaan dasar pecah dan perintah. Dasar ini telah membawa kesan buruk kepada masyarakat iaitu polarisasi etnik yang menjejaskan kesepaduan sosial. Kesan polarisasi etnik dalam masyarakat dapat dibuktikan dengan kewujudan konflik etnik dalam masyarakat dan disokong dengan data IKM. Polarisasi etnik turut berlaku dalam institusi pendidikan. Sistem pendidikan yang berbentuk sekolah jenis aliran dan kewujudan IPTS yang menjurus kepada etnik tertentu membawa kepada polarisasi etnik dalam komuniti pelajar. Polarisasi etnik turut berlaku dalam kalangan pelajar di IPTA. Walaupun perpaduan sentiasa diterapkan melalui sistem pendidikan, namun komuniti pelajar masih terpisah akibat polarisasi etnik disebabkan oleh sekolah pelbagai aliran. Oleh itu, latar belakang seseorang individu dari segi etnik dan pendidikan mampu mempengaruhi tingkah lakunya dalam usaha untuk mencapai kesepaduan sosial.





Memandangkan konflik yang berlaku di Malaysia biasanya melibatkan tiga etnik terbesar iaitu etnik Melayu, Cina dan India, maka kajian ini hanya menjurus kepada ketiga-tiga etnik tersebut sahaja. Kewujudan sekolah pelbagai aliran yang menjejaskan pencapaian kesepaduan sosial telah mendorong kajian ini dijalankan dalam komuniti pelajar. Pengkaji ingin mengetahui pola hubungan etnik dan kesepaduan sosial pelajar-pelajar universiti yang dipengaruhi oleh aliran sekolah yang berbeza semasa mereka berada di sekolah rendah dan sekolah menengah. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengetahui perkaitan elemen hubungan etnik dengan elemen perpaduan iaitu kesepaduan sosial dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi.

1.4 Objektif Kajian



Kajian ini dijalankan untuk mengetahui perkara-perkara yang berkaitan hubungan etnik, kesepaduan sosial dan hubungan etnik dengan kesepaduan sosial di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Tiga objektif kajian yang telah ditentukan ialah:

1. Mengenal pasti pola hubungan etnik dalam kalangan pelajar UPSI.
2. Meneliti pola kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar UPSI.
3. Menjelaskan hubungan etnik dengan pola kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar UPSI.





1.5 Soalan Kajian

Daripada objektif kajian yang telah ditentukan, pengkaji telah menghasilkan soalan kajian yang berkaitan hubungan etnik, kesepaduan sosial dan hubungan etnik dengan kesepaduan sosial. Soalan kajian yang telah digariskan ialah:

1. Apakah pola hubungan etnik dalam kalangan pelajar UPSI?
2. Apakah pola kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar UPSI?
3. Bagaimanakah hubungan etnik dengan pola kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar UPSI?

1.6 Hipotesis Kajian



Pemboleh ubah bebas yang ditentukan dalam kajian ini ialah etnik. Pemboleh ubah pencelah yang wujud ialah hubungan etnik. Pemboleh ubah bersandar yang ditentukan pula ialah kesepaduan sosial. Oleh itu, hipotesis kajian yang diramal oleh pengkaji ialah semakin nipis batas etnik yang wujud dalam sesebuah etnik, semakin utuh kesepaduan sosial yang dibina.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian


Berdasarkan pernyataan masalah, pemboleh ubah bebas ialah etnik yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India. Pemboleh ubah pencelah ialah hubungan etnik yang perlu dilihat dari aspek batas etnik dan hubungan rentas sosial. Pemboleh ubah



bersandar ialah kesepaduan sosial. Kesepaduan sosial dilihat menerusi dimensi penerimaan, keterangkuman, penyertaan, pengiktirafan, legitimasi dan kesaksamaan. Pengaruh ketiga-tiga pemboleh ubah ini akan menentukan pola hubungan etnik dan kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar universiti yang dikaji.

Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian



1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan kerana mempunyai kepentingan tertentu yang boleh memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berkaitan iaitu pensyarah, pentadbir sekolah, guru-guru dan bakal guru. Kajian ini juga boleh memberi sumbangan terhadap bidang ilmu Pengajian Malaysia. Kepentingan kajian terhadap bidang ilmu ini dibincangkan menerusi konsep dan teori.



Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, pensyarah dapat mengetahui pola hubungan etnik dan pola kesepaduan sosial di universiti, khususnya UPSI. Keadaan ini dapat membantu pensyarah untuk menerapkan elemen perpaduan dalam pengajaran. Kajian ini mampu mendorong pensyarah untuk membangunkan pendekatan pengajaran yang berkesan dengan menekankan kepentingan kepelbagaian etnik. Oleh itu, pensyarah dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang harmoni dan memberi ruang kepada pelajar untuk memupuk kesepaduan sosial.

Selain itu, kajian ini membantu pihak pentadbir sekolah untuk memahami hubungan antara murid dalam komuniti sekolah yang merentasi etnik. Pentadbir sekolah dapat mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesepaduan sosial dan isu yang mempengaruhi perkembangan murid. Oleh itu, pihak pentadbir boleh mengambil kaedah-kaedah yang efektif dalam membuat perancangan aktiviti-aktiviti yang akan dianjurkan. Kesepaduan sosial yang baik perlu wujud di sekolah supaya para murid dapat belajar dan bergaul dalam suasana yang harmoni tanpa mengira etnik.

Di samping itu, guru-guru sekolah lebih memahami kepelbagaian murid dari segi etnik dan latar belakang sosial. Guru-guru dapat merancang pengajaran yang menarik dengan mengambil kira keperluan murid-murid. Guru-guru dapat membina persefahaman dan kerjasama dalam kalangan murid dengan memupuk kesepaduan sosial di dalam kelas. Suasana pembelajaran yang positif mendorong murid untuk berkomunikasi dan bekerjasama merentas etnik untuk mencapai matlamat pembelajaran.





Seterusnya, kajian ini penting kepada bakal guru kerana membekalkan pengetahuan berkaitan hubungan etnik dan kesepaduan sosial. Bakal guru seharusnya dilengkapi dengan ilmu tersebut supaya dapat hidup berbaik-baik antara satu sama lain tanpa mengira etnik. Bakal guru yang merupakan suri teladan kepada murid perlu mengamalkan dan mempamerkan nilai-nilai murni dalam usaha mencapai kesepaduan sosial dalam komuniti sekolah yang terdiri daripada pelbagai etnik. Bakal guru memainkan peranan penting dalam membentuk generasi murid yang beretika dan menghormati budaya etnik lain.

Tambahan pula, kajian ini dapat membawa sumbangan kepada bidang ilmu Pengajian Malaysia. Kajian ini dapat memperjelas konsep yang terlibat iaitu hubungan etnik dan kesepaduan sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana kursus Hubungan Etnik baru diperkenalkan di peringkat pengajian tinggi sejak tahun 2005 (Shamsul Amri Baharuddin, 2012). Pendedahan terhadap konsep hubungan etnik perlu diperluaskan. Konsep kesepaduan sosial pula merupakan satu konsep baru yang diperkenalkan dan mula dibincangkan oleh Shamsul Amri Baharuddin. Masyarakat lebih biasa dengan istilah integrasi dan perpaduan. Oleh itu, kajian ini diharapkan mampu memberikan kefahaman yang mendalam terhadap kedua-dua konsep ini.

Akhir sekali, kajian ini dapat menguji dan memberi manfaat kepada teori yang berkaitan dalam bidang ilmu Pengajian Malaysia iaitu Teori Pilihan Rasional dan Teori Pemodenan. Teori Pilihan Rasional merupakan teori utama untuk mendalami hubungan etnik. Teori ini dapat menjelaskan sama ada tindakan yang diambil oleh seseorang cenderung kepada kepentingan individu atau perkiraan etnik. Melalui teori ini, kajian yang dilakukan dapat menjelaskan tujuan hubungan yang dibina oleh pelajar. Teori



Pemodenan pula digunakan untuk melihat peranan bidang pendidikan dalam usaha membina kesepaduan sosial. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh latar belakang dan taraf hidup individu.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan. Responden yang dipilih hanya melibatkan mahasiwa dan mahasiswi dari etnik Melayu, Cina dan India sahaja yang mengambil kursus Hubungan Etnik (HNS 2012). Pelajar-pelajar ini berada dalam Semester 2 bagi Sesi 2017/2018 yang terdiri daripada setiap fakulti di UPSI.

1.10 Definisi Operasional

Terdapat lima definisi utama yang perlu diketahui untuk memahami kajian ini dengan lebih mendalam. Definisi-definisi tersebut ialah etnik dan hubungan etnik, batas etnik, hubungan rentas sosial, kesepaduan sosial dan komuniti pelajar.

1.10.1 Etnik dan Hubungan Etnik

Konsep etnik berkaitan dengan amalan budaya yang hampir sama diamalkan oleh sekelompok manusia. Mereka mengamalkan kebudayaan yang hampir sama antara kelompok manusia itu, disatukan oleh pengalaman sejarah, sistem nilai, sikap dan



tingkah laku (Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee, 2006). Kumpulan etnik bermaksud sesebuah kumpulan yang ahlinya memiliki satu set sosiobudaya yang tersendiri. Kumpulan etnik yang terlibat dalam kajian ini ialah etnik Melayu, Cina dan India sahaja.

Hubungan etnik ini berlaku apabila berlaku pertembungan dua atau lebih etnik yang akan melahirkan banyak perubahan dalam cara hidup dan budaya kedua-dua etnik itu. Pertembungan itu akan melahirkan interaksi, peniruan dan saling mempengaruhi antara etnik. Pada satu peringkat, masyarakat itu telah mengamalkan sedikit sebanyak cara hidup dan budaya yang lain tanpa disedari. Perubahan yang berlaku tidak dapat dikesan dalam jangka masa pendek tetapi dalam jangka masa panjang. Pola hubungan etnik perlu dilihat dari aspek batas etnik dan hubungan rentas sosial (Mansor Mohd Noor et al., 2006). Oleh itu, kajian ini menjelaskan pola hubungan etnik menerusi aspek batas etnik dan hubungan rentas sosial.

1.10.2 Batas Etnik

Barth (1969) membincangkan batas etnik dengan mengatakan bahawa batas budaya merupakan perkara yang menetapkan sesebuah kumpulan etnik. Aspek penentu dalam sesuatu kumpulan etnik ialah proses dan cara mengkategorikan diri. Cara pengkategorikan inilah yang mempertahankan batas budaya tersebut. Ketebalan atau kenipisan batas etnik seseorang individu bergantung kepada perkiraan etnik. Individu yang mempunyai batas etnik yang tebal akan mengutamakan perkiraan etnik manakala individu yang mempunyai batas etnik yang nipis akan mengutamakan perkiraan bukan





etnik yang mampu membolehkannya berhubung dengan individu lain secara silang kumpulan (Mansor Mohd. Noor et al., 2006).

Mansor Mohd Noor (2012) seterusnya memperkenalkan Teknik Ikatan Sosial untuk mengukur batas etnik. Teknik ini menggunakan dimensi etnik dan dimensi norma sejagat untuk melihat pengaruhnya terhadap seseorang individu. Dimensi etnik merupakan nama bersifat etnik manakala dimensi norma sejagat terdiri daripada kepentingan peribadi berbentuk material, kepentingan peribadi berbentuk status sosial dan kepentingan peribadi berbentuk tuntutan sosial. Dalam kajian ini, batas etnik ditentukan menerusi dimensi kepentingan peribadi berbentuk material, kepentingan peribadi berbentuk status sosial dan kepentingan peribadi berbentuk tuntutan sosial.



1.10.3 Hubungan Rentas Sosial



Varshney (2002) membincangkan hubungan rentas sosial melalui jaringan sivik. Jaringan sivik merangkumi rangkaian sosial yang terdiri daripada pelbagai kumpulan dan individu yang berhubung antara satu sama lain melalui pelbagai pertubuhan, organisasi dan aktiviti bersama. Kerjasama ini mengukuhkan rangkaian sosial yang merentasi sempadan etnik dan memperluas peluang untuk mewujudkan interaksi positif antara kumpulan etnik. Peranan jaringan sivik antara etnik sangat penting dalam membina hubungan etnik yang harmoni. Hubungan rentas sosial juga boleh dilihat melalui tiga peringkat. Peringkat-peringkat tersebut ialah individu, komuniti dan institusi. Oleh itu, kajian ini menggunakan ketiga-tiga peringkat hubungan rentas sosial tersebut.





1.10.4 Kesepaduan Sosial

Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2012), kesepaduan ialah suatu fenomena sosial yang dipacu oleh idaman mendalam terhadap perpaduan yang mempengaruhi anggota masyarakat untuk merangkai ikhtiar dan kegiatan yang dianggap sebagai prasyarat dalam mencapai perpaduan. Perpaduan yang diidamkan masih belum wujud dan merupakan gambaran masyarakat yang sempurna kerana perpaduan ini ialah kesamaan atau kesatuan yang bermaksud satu bangsa, agama, bahasa dan negara. Pelbagai usaha yang dilakukan ini biasanya tidak disedari telah membawa kepada keamanan, keharmonian dan kestabilan dalam sesebuah masyarakat tetapi perpaduan idaman tersebut masih belum dicapai.



mengukur kesepaduan sosial. Lima dimensi tersebut ialah kekitaan-pengasingan, keterangkuman-peminggiran, penyertaan-pasif, pengiktirafan-penolakan dan legitimasi-tidak sah. Kemudiannya, Bernard (1999) telah menambah satu lagi dimensi iaitu kesaksamaan-ketidaksamaan dengan menggolongkan kepada tiga aspek utama. Aspek tersebut ialah aspek ekonomi, politik dan sosiobudaya. Oleh itu, pola kesepaduan sosial dalam kajian ini dianalisis menerusi enam dimensi iaitu kekitaan, keterangkuman, penyertaan, pengiktirafan, legitimasi dan kesaksamaan.

1.10.5 Komuniti Pelajar

Komuniti ialah persamaan kehidupan manusia yang dipandu secara asas dari dalam, secara spontan dan bebas dengan kawalan undang-undang yang digubal





menghubungkan diri antara satu sama lain serta melibatkan diri dalam jaringan perpaduan sosial yang besar (MacIver, 1970). Pelajar pula merujuk kepada penuntut, murid atau orang yang sedang belajar dan menyelidiki ilmu (Mohamed Noor Mohid, 2014). Oleh itu, komuniti pelajar bermaksud sekumpulan penuntut ilmu menghubungkan dan melibatkan diri dalam jaringan perpaduan sosial di sesebuah institusi pendidikan. Dalam kajian ini, komuniti pelajar merujuk kepada pelajar yang menuntut ilmu di UPSI. Komuniti pelajar diuraikan menerusi enam dimensi iaitu pola perpaduan, pendidikan, ekonomi, kualiti hidup, keselamatan dan kesenian.

1.11 Organisasi Bab



Kajian ini membincangkan hubungan etnik, kesepaduan sosial dan hubungan etnik dengan kesepaduan sosial secara mendalam. Pengkaji membahagikan kepada lima bab bagi memastikan penulisan kajian lebih teratur.

Dalam Bab 1, pendahuluan tentang elemen hubungan etnik dan kesepaduan sosial diterangkan. Bab ini mengandungi 12 bahagian yang mengandungi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional, organisasi bab dan rumusan.

Bab 2 pula akan mengandungi tinjauan literatur yang berkaitan. Bab ini dipecahkan kepada lima bahagian iaitu pengenalan, konsep, teori, sorotan kajian lepas





dan rumusan. Kajian-kajian lepas dianalisis menerusi kajian dalam masyarakat dan kajian dalam institusi pendidikan.

Dalam Bab 3, pengkaji menerangkan metodologi kajian yang digunakan untuk menyiapkan kajian ini. Metodologi kajian ini mengandungi lapan bahagian iaitu pengenalan, reka bentuk kajian, populasi dan sampel, instrumen, kajian rintis, prosedur pengumpulan data, kaedah menganalisis data dan rumusan.

Bab 4 pula membincangkan dapatan kajian dan analisis data dengan terperinci. Bab ini terdiri daripada tujuh bahagian utama bagi menjawab objektif kajian iaitu pengenalan, latar belakang responden, pola hubungan etnik, pola kesepaduan sosial, hubungan etnik dengan kesepaduan sosial, komuniti pelajar dan rumusan.



Dalam Bab 5, pengkaji melakukan perbincangan berkaitan data yang diperoleh. Perbincangan ini turut mengaitkan teori dan sorotan kajian lepas. Cadangan-cadangan yang berkaitan dikemukakan dan seterusnya kesimpulan diberikan tentang kajian ini. Bab ini mengandungi tiga bahagian iaitu perbincangan, cadangan dan kesimpulan.

1.12 Rumusan

Hubungan etnik yang kukuh amat diperlukan untuk membina kesepaduan sosial. Kesepaduan sosial yang merupakan prasyarat perpaduan perlu terbina dengan kuat supaya proses pembinaan negara bangsa dapat dicapai. Pihak British menjajah Tanah Melayu dengan melaksanakan dasar-dasar tertentu yang memisahkan masyarakat





mengikut kumpulan etnik. Dasar pecah dan perintah yang dibawa oleh British telah memberikan kesan negatif terhadap perkembangan ekonomi tempatan. Dasar *laissez-faire* British dalam sistem pendidikan juga telah membawa kesan buruk terhadap aspek sosial. Selepas pendudukan Jepun berakhir di Tanah Melayu, keganasan MPAJA telah menggugat keharmonian etnik. CLC ditubuhkan untuk membaik pulih hubungan antara etnik. Proses perpaduan negara terganggu apabila berlaku konflik etnik 13 Mei 1969 yang dahsyat. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar seperti DEB dan DKK serta ideologi Rukun Negara untuk memulihkan keadaan. Penyeragaman sistem pendidikan melalui Akta Pendidikan 1996, penyeragaman kursus TITAS dan pengenalan kursus Hubungan Etnik di IPTA dapat membantu dalam usaha untuk memupuk kesepaduan sosial.



kejadian konflik etnik yang masih berlaku seperti di Kampung Medan dan Plaza Low Yat serta polarisasi etnik di SK dan IPT turut berlaku. Keadaan-keadaan ini telah mendorong kepada kewujudan kajian ini.

Oleh itu, elemen hubungan etnik dan kesepaduan sosial perlu dikaji untuk menganalisis interaksi antara etnik. Memandangkan sistem pendidikan sekolah pelbagai aliran dikatakan menjadi penghalang perpaduan, kajian ini memfokuskan hubungan etnik dan kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar universiti.

